

Penasihat khas Kofi Annan kunjungi Abdullah

PUTRAJAYA 12 Ogos - Prof. Jeffery D. Sachs, penasihat khas kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Kofi Annan, hari ini mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Seri Perdana di sini.

Prof. Sachs tiba di negara ini pada Khamis atas undangan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (BBPN) untuk berkongsi pendapat tentang perkembangan ekonomi, terutama tentang daya saing Malaysia, kata jurucakap Pejabat Perdana Menteri.

Turut hadir pada pertemuan itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Effendi Norwawi dan Pengarah Eksekutif BBPN Datuk Sulaiman Mahbob.

Prof. Sachs juga adalah pengarah Earth Institute, Prof. Quetelet Pembangunan Lestari dan Prof Dasar Kesihatan dan Pengurusan di Columbia University, Amerika.

Di samping menjadi penasihat khas kepada Kofi Annan tentang sekumpulan inisiatif yang digubal **.bagi** mengurangkan kadar kemiskinan dikenali sebagai Millennium Development Goals, **Prof. Sachs** juga berkhidmat sebagai penasihat ekonomi kepada kerajaan Amerika Latin, Eropah **Timur**, bekas Soviet Union, Asia dan Afrika.

Beliau juga adalah pengerusi bersama Lembaga Penasihat Laporan Daya Saing Global dan perunding bagi Tabung Mata Wang Dunia (IMF), Bank Dunia, Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan Eropah (OECD) serta Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu.

- Bernama

ABDULLAH Ahmad Badawi menerima kunjungan hormat Profesor Jeffery D. Sachs (kiri) di Seri Perdana semalam.

